

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(XIV)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS
YB. LEE CHUN KIT**

16. Apakah rancangan Kerajaan Negeri dalam menyokong dan menolong usahawan-usahawan yang ingin membuka pusat-pusat aktiviti dan juga rekreasi buat warga emas?

YB. PHEE BOON POH

MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI

16. Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam hal kebajikan termasuk pusat-pusat aktiviti dan rekreasi untuk warga emas. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) akan membantu memberikan geran rangsum iaitu bantuan yang diberikan oleh kerajaan bagi menampung sebahagian kos perbelanjaan makan dan minum penghuni. Geran rangsum ini akan diberi setelah pusat jagaan/aktiviti telah berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS) beroperasi selama dua tahun.

Manakala bagi membantu pengusaha pusat jagaan yang telah beroperasi sebelum 15 September 2017, diskaun 90% ke atas bayaran pemajuan infrastruktur bagi kos tukar guna bangunan kediaman ke pusat jagaan adalah bagi tempoh setahun iaitu 15 September 2017 hingga 14 September 2018. Pemberian diskaun ini juga akan menggalakkan lebih ramai pengusaha pusat jagaan untuk tampil ke hadapan untuk berdaftar dengan JKJ dan mengurangkan beban pengusaha.

Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah membentangkan kertas kerja pengecualian bayaran caruman pembinaan serta menaik taraf jalan dan persimpangan bagi semua

permohonan tukarguna bangunan kediaman kepada Tadika, Taska, Pusat Jagaan Kanak-Kanak, Pusat Jagaan Ibu Bersalin Dan Anak dan Pusat Jagaan Orang Tua di kawasan MBPP kepada Jawatankuasa Teknikal Perancang Negeri pada 7 Jun 2018 di mana pengecualian telah dipersetujui tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Perancang Negeri. Seterusnya perakuan Jawatankuasa Teknikal Perancang Negeri ini akan diangkat untuk pertimbangan Jawatankuasa Perancang Negeri dan sekiranya diluluskan, cadangan ini akan digunapakai untuk kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan.

Kerajaan Negeri melalui mesyuarat Jawatankuasa Tebatan Banjir Bil 3/2018 pada 28 Jun 2018 juga telah memutuskan supaya Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) menyelaras semula garis panduan berhubung bayaran caruman perparitan (DCC) bagi kawasan MBPP dan MPSP dan cadangan pengecualian caruman perparitan ini masih dalam peringkat perbincangan dan pertimbangan sebelum dilaksanakan.